

20/06/1998

Kaji dulu pemikiran baru: Zaharah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ahli Umno diminta supaya tidak menerima bulat-bulat amalan atau pemikiran baru tanpa mengkajinya terlebih dahulu bagi mengelak sebarang kemungkinan, termasuk menjejaskan perpaduan dan kedaulatan parti.

Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata ini penting kerana usaha itu tidak membawa sebarang kebaikan, sebaliknya boleh menggugat kestabilan politik dan negara serta bangsa Melayu sendiri.

"Sehubungan itu, amat penting bagi semua ahli terutama di peringkat akar umbi menjadikan ucapan Presiden itu sebagai iktibar untuk menolak mana-mana amalan yang bukan saja asing, tetapi boleh mengadu-dombakan kita sendiri yang mungkin diinginkan pihak asing.

"Malah, sepertimana yang Wanita jelaskan semalam, kami tidak nampak apa perlu dan pentingnya konsep asing seperti globalisasi, kronisme dan nepotisme itu disebut sedangkan ia bukan saja asing, tetapi menyumbang ke arah kukuh parti," katanya mengulas ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Sambil menyifatkan tindakan itu sebagai melulu dan bahaya, Dr Siti Zaharah berkata apa yang penting adalah memastikan semua ahli dapat sama-sama menggembleng tenaga membantu pemimpin negara mengatasi masalah yang lebih penting seperti krisis ekonomi.

"Sebagai ahli yang ada peranan masing-masing, amat penting bagi kita supaya menolak unsur asing yang tidak benar dan berasas itu dari awal lagi sebelum ia menular.

"Janganlah hanya kerana ia baru ditimbulkan beberapa minggu ini, ada ahli yang melatah sehingga lupa tanggungjawab sebenar kita kepada parti dan negara," katanya.

Menurutnya, ahli juga perlu mengkaji sedalam-dalamnya perkara itu serta kesannya kepada parti sebelum boleh menerima unsur berkenaan.

Beliau turut meminta pemimpin Umno supaya tidak menimbulkan sebarang keresahan di kalangan ahli hanya kerana ingin mendapat perhatian pucuk pimpinan parti.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Zahid Hamidi ketika ditemui, enggan mengulas lanjut berhubung isu nepotisme dan kronisme yang dibangkitkannya.

"Pendirian Pemuda sudah jelas semalam," katanya.

(END)